KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

E-KERATAN
AKHBAR HARIAN

24 FEBRUARI 2023

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

www.rurallink.gov.my | Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah | kkdw_gov | kkdw_gov | KKDW_GOV Official | kkdw_govofficial

TARIKH:
24 FEBRUARI 2023

HALAMAN:
5

ONLINE

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian X
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 Nanyang Siang Pau ☐
東方日報 Oriental Daily News ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

Kerjasama perkasa TVET dalam teknologi kenderaan

Usaha KKDW, 18 penggiat industri lahirkan lebih ramai tenaga mahir tempatan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my



Ahmad Zahid diiringi Pengarah Urusan Hammock Helicopter, Mark David McGregor melawat hangar selepas majlis Pertukaran Dokumen Usaha Sama Antara Institusi TVET KKDW Bersama Rakan Industri, di Subang, semalam.
(Foto Asyraf Hamzah/BH)

Subang: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) bekerjasama dengan 18 penggiat industri tempatan dan antarabangsa bagi memperkasa bidang Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam teknologi kenderaan darat, laut dan udara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata kerjasama terbabit mampu melahirkan lebih ramai pekerja berkemahiran tinggi dan modal insan bagi pembangunan serta kemajuan peringkat tempatan dan global.

"TVET mempunyai peranan penting dalam membantu usaha kita menjadi negara maju, yang setaraf dengan negara maju lain dan tidak keterlaluan jika dinyatakan, TVET menjadi kunci kepada kemajuan negara pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pertukaran Dokumen Usaha Sama Antara Institusi TVET KKDW Bersama Rakan Industri, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang dan Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Seri Ramlan Harun.

Ahmad Zahid, yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, pemerkasaan pendidikan TVET dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran berupaya menjadi faktor menarik pelaburan asing ke Malaysia.

Pemacu lahir tenaga mahir

"Pelabur asing memilih negara ini sebagai destinasi pelaburan kerana dasar kerajaan yang sentiasa menyokong pembangunan industri dan perniagaan, dasar pelaburan yang fleksibel dan relevan, kadar pertumbuhan ekonomi positif dan kemudahan infrastruktur yang baik.

"Sebab itu, saya melihat pendidikan TVET menjadi pemacu utama dalam usaha kerajaan melahirkan tenaga mahir tempatan yang mempunyai kemahiran tinggi, sekali gus mengurangkan kebergantungan negara kepada tenaga kerja asing," katanya.

Terdahulu beliau menyaksikan pertukaran dokumen antara institusi TVET di bawah KKDW, membabitkan GIATMARA, Institut Kemahiran Tinggi PERDA, Institut Kemahiran MARA, Kolej Kemahiran Tinggi MARA dan Universiti Kuala Lumpur dengan 18 syarikat rakan industri.

Antara syarikat terbabit adalah German Auto Garage Sdn Bhd, Malaysia Rail Link Sdn Bhd, Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd (MODENAS), Acson Malaysia Sales & Service Sdn Bhd, PETRONAS, Hino Motors Sales (Malaysia) Sdn Bhd, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan Hartasuma Sdn Bhd bagi bidang teknologi darat.

Bagi bidang teknologi laut pula membabitkan syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd, Vale Malaysia Minerals Sdn Bhd dan Radimax Group Sdn Bhd.

Bagi bidang teknologi udara, kerjasama strategik itu membabitkan Turkish Aerospace Inc, Galaxy Aerospace (M) Sdn Bhd dan Hammock Helicopter Sdn Bhd.

Sementara itu, Ahmad Zahid berharap kementerian diterajuinya mendapat peruntukan sewajarnya dalam Belanjawan 2023 bagi melaksanakan pelbagai inisiatif meningkatkan infrastruktur dan peluang keusahawanan.

"Kita bukan sahaja fokus tambah baik infrastruktur luar bandar, malah menyokong usaha kerajaan mencipta peluang untuk golongan muda dan generasi usahawan baharu. Kami juga menyediakan peluang perniagaan di luar bandar dan melaksanakan program tekno usahawan berasaskan teknikal," katanya.

TARIKH:
24 FEBRUARI 2023

HALAMAN:
26

ONLINE

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☐
Metro ☒
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 Nanyang Siang Pau ☐
東方日報 Oriental Daily News ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

KERJASAMA KKDW BERSAMA 18 PEMAIN INDUSTRI TEKNOLOGI

Perkasa program TVET sektor darat, laut dan udara

Oleh Mohd Haris Fadli Mohd Fadzil
am@hmetro.com.my

Subang

Lapan belas pemain industri teknologi darat, laut dan udara memeterai perjanjian bersama Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) bagi memperkasakan Program Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET).

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Zahid Hamidi berkata, menggunakan konsep Pendidikan dan Latihan Industri (IBET) dan model *Teaching Factory*, pelajar institusi TVET didedahkan dengan kemahiran dalam industri sebenar secara terus dan praktikal.

Menurutnya, perkara itu mampu menarik lebih banyak pelaburan langsung asing (FDI), sekali gus memacu pertumbuhan ekonomi negara.

"Untuk memastikan kemapanan ekonomi negara berkembang dengan baik, keperluan pelaburan asing dan sokongan dari pihak industri amat penting.

"Namun sokongan ini perlu juga diseimbangkan dengan infrastruktur dan ketersediaan guna tenaga berkemahiran terutamanya yang mempunyai kelayakan pendidikan TVET yang merupakan faktor menarik pelaburan asing ke negara ini," katanya.

Menurutnya, kerjasama terbabit mampu melahirkan lebih ramai pekerja berkemahiran tinggi dalam sektor darat, laut dan udara.

Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata demikian ketika berucap pada majlis penyerahan dokumen persefahaman antara 18 rakan industri dan institusi TVET di UniKL Malaysian Institute of Aviation Technology (MIAT) di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri KKDW Datuk Rubiah Wang; Ketua Setiausaha KKDW, Datuk Seri Ramlan Harun; dan Ketua Pengarah Majlis Amanah Rakyat(MARA), Datuk Seri Azhar Abdul Manaf.

Mengulas lanjut, Zahid berkata, model *Teaching Factory* yang diimplementasi di 12 kampus UniKL seluruh negara perlu diperluaskan lagi dalam usaha melahirkan graduan berkualiti bagi memenuhi permintaan industri untuk tenaga kerja berkemahiran tinggi.

"Saya amat gembira pendekatan *Teaching Factory* ini menjadikan graduan TVET bersedia di alam pekerjaan, mereka juga lebih kompeten dan berdaya saing seiring kehendak industri.

"Kadar purata keseluruhan kebolehpasaran graduan institusi TVET Mara adalah 94 peratus manakala graduan UniKL MIAT pula secara keseluruhannya di tahap 98.4 peratus," katanya.

Zahid berkata, model pendidikan *Teaching Factory* diharap dapat mengangkat Malaysia menjadi salah satu negara yang mampu melahirkan buruh berkemahiran tinggi di mata dunia.

Tambahnya, inisiatif berkenaan merupakan salah satu langkah proaktif dilaksanakan pihak KKDW dalam usaha mengurangkan kebergantungan terhadap buruh asing terutama dalam sektor 3D (kotor, bahaya dan sukar).

"Kita bukan saja menyediakan belia untuk pasaran kerja, tetapi juga modal insan bagi pembangunan dan kemajuan di peringkat tempatan dan global. Semua inisiatif kerajaan ini bersesuaian dengan usaha kitamenarik pelaburan berkualiti tinggi ke negara ini dengan menyediakan kemahiran yang diperlukan menerusi program TVET," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, pihak kerajaan amat menekankan pembangunan program TVET kerana percaya ianya kunci kepada peralihan negara daripada sebuah negara membangun kepada status negara maju.

"Pendidikan TVET akan menjadi pemacu utama dalam usaha kerajaan melahirkan tenaga mahir tempatan yang mempunyai kemahiran tinggi, sekali gus mengurangkan kebergantungan negara kepada tenaga kerja asing. Kerajaan amat menekankan Pendidikan TVET kerana kita sedar permintaan dan keperluan industri kepada modal insan berkeupayaan untuk beriringan dengan peredaran teknologi yang begitu tinggi dan pantas," katanya.

INFO

Gunakan konsep Pendidikan dan Latihan Industri (IBET) dan model Teaching Factory, pelajar institusi TVET didedah kemahiran dalam industri sebenar secara terus dan praktikal.

Teaching Factory jadikan graduan TVET sedia di alam pekerjaan, mereka lebih kompeten dan berdaya saing seiring kehendak industri.

Model pendidikan diharap angkat Malaysia jadi salah satu negara lahirkan buruh berkemahiran tinggi di mata dunia.



DR Ahmad Zahid bersama Rubiah (dua dari kiri) melawat hangar pada majlis pertukaran dokumen usaha sama antara industri TVET@KKDW bersama rakan industri di UniKL MIAT Subang. Turut hadir, Dekan UniKL MIAT, Dengkil dan Subang, Dr Mohd Hafizi (kiri) dan Pengarah'Urusan Hammock Helicopter, Mark David McGregor (dua dari kanan). - Gambar NSTP/ASYRAF HAMZAH



DR Ahmad Zahid (dua dari kanan) mendengar penerangan dari Ketua Pengarah Mara, Datuk Seri Azhar Abdul Manaf (kanan) berkenaan perancangan pembangunan UniKL MIAT.



TARIKH:
24 FEBRUARI 2023

HALAMAN:
4

ONLINE

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times X
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

Zahid hopes for sufficient rural development funds

SUBANG JAYA: The Rural and Regional Development Ministry hopes that it will get a fair allocation in the 2023 Budget for its initiatives to boost entrepreneurship and rural infrastructure.

Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, who is also deputy prime minister, said if there was a reduction in funds, he hoped it would not be significant.

"We are not only focusing on (improving) rural infrastructure but also supporting the government's effort by creating opportunities for younger and a new generation of entrepreneurs.

"We are also providing business opportunities in rural areas and holding techno-entrepreneur programmes.

"We have these four sectors in mind and I hope there will not be much reduction, if any.

"As promised by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, who is also finance minister, my ministry is to be given priority so that we can hold our programmes and fulfil the rural development agenda," he said after witnessing the exchange of documents between the ministry's Technical and Vocational Education and Training institutions and 18 local and global companies.

TARIKH:
24 FEBRUARI 2023

HALAMAN:
9

ONLINE

SIN CHEW DAILY

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

Zahid: Nurture skilled workers through TVET to attract foreign investment and reduce foreign labour

通過技教栽培熟練員工

扎希：吸引外資 減少外勞



阿末扎希（右一）参观UniKL航空技术学院的展览，左起为拉姆兰和鲁比雅。（赖国华摄）

（梳邦23日讯）副首相拿督斯里阿末扎希指出，为了吸引高质量的外资，我国必须通过技职教育栽培熟练的技术人员，不只是让年轻人找到工作，同时也为国家的发展和进步打造人力资本。

他指出，为了国家持续性的良好发展，外国直接投资（FDI）和私人界的支持非常重要，而我国必须在基础建设和熟练人员方面做好准备，才能吸引外资。

技教成先进国关键因素

他说，技职教育与培训（TVET）是我国未来成为先进国的关键因素，栽培本地人成为熟练员工也有助于减少对外劳的依赖。

也是乡村及区域发展部长的他在吉隆坡大学（UniKL）航空科技学院与18家公司交换合作文件仪式上致词时，发表上述谈话。

阿末扎希说，Vale矿业公司于2014年在红土坎终站投资了13亿7000万美元，以及AT&S电子产品公司在居林高科技园投资85亿令吉设立工厂，提供6000个新的就业机会，相信他们都曾经研究我国的人力资源是否充足和具备能力。

他指出，根据大马投资发展局（MIDA）的预测，今年我国的FDI将会持续提升，比去年的1977亿令吉及9万8414个就业机会更多，而当中有649亿令吉外资来自制造业。

“由于我国推出支持工商业发展的政策，并且具有伸缩性和恰当，加上经济正面成长及良好的基础设备，所以外资选择在我国投资。”

他说，MARA的技职教育课程毕业生就业率达92%、UniKL毕业生则高达97%，他们当中有者在本地就业，也有人在外国工作。

其他与会者包括副部长拿督鲁比雅、秘书长拿督斯里拉姆兰和MARA总监拿督斯里阿兹哈。

TARIKH:
24 FEBRUARI 2023
HALAMAN:
2
ONLINE

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star X
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

DPMs hope for no reduction of allocations

By GERARD GIMINO
gerard.gimino@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: The two deputy prime ministers are hoping that no cuts will be made to the budget proposals made under the previous Budget 2023 tabled in Parliament.

Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi said in addition to focusing on rural infrastructure development, the Rural and Regional Development Ministry he helms also supported the government's efforts to create business opportunities for younger or newer generation entrepreneurs.

"With that, I hope there will be little (if any) reduction in these sectors, and as Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has promised, the ministry will be given priority in carrying out the programme in developing the rural agenda," he told reporters after witnessing a memorandum of agreement exchange between the ministry's technical and vocational education and training (TVET) institute and 18 industry players from the private sector at the Universiti Kuala Lumpur Malaysia Institute of Aviation Technology (UniKL Miat) Subang campus yesterday.

In his speech, Ahmad Zahid said the initiative also aimed to create more foreign direct investments into the country.

"For this, we need more support from industry players to create a highly skilled workforce from the TVET sector.

"We have to move towards becoming a developed country," he said, adding that there should be no overlap in courses for TVET initiatives offered across ministries.

He said politics should be put aside when it comes to developing the TVET sector nationwide.

"Everyone wants the best for our nation. We will have to work together closely with smart partnerships between state governments and the federal government," he added.



New agenda: Ahmad Zahid (left) at the UniKL Miat campus. — RAJA FAISAL HISHAN/The Star

A total of 18 industry partners from the land, sea and air industries were involved in the ceremony yesterday, along with the ministry's TVET institutes, namely Giatmara, Perda High Technology Institute (Perda-Tech), MARA Skills Institute, Mara High Technology College and UniKL.

On the retabling of Budget 2023, Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah Yusof, who is the Plantation Industries and Commodities Minister, said his ministry had requested an increase in allocation.

This move was to encourage the diversification of downstream activities involving the plantation sectors, he added.

"We hope there would be no reductions in the (Budget 2023) allocations," he told reporters after attending the Global Business Forum 2023 at Berjaya Times Square here yesterday.

Under the previously tabled Budget 2023 last year, a total of RM495.9mil was allocated to the ministry, comprising RM241mil for operating expenditure and RM254.8mil for development expenditure.

This was a reduction of RM176mil – or 26% – compared to the ministry's allocation under Budget 2022.